

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ISMAIL BIN YUSOP

TARIKH : 07 DISEMBER 2018 (ISNIN)

SOALAN NO. 07

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan untuk mengatasi masalah tahap pengguna yang rendah terhadap Mass Rapid Transit (MRT3) berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Center for Governance and Political Studies (Cent-GPS).

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Rangkaian MRT memainkan peranan penting terutama sekali dalam mewujudkan kesalinghubungan dengan perkhidmatan rel lain yang sedia ada di kawasan Lembah Kelang.
2. Bilangan purata penumpang harian yang direkodkan sepanjang Fasa Pertama operasi iaitu dari bulan Januari hingga Jun 2017 adalah seramai 15,700 orang sehari. Laluan Fasa Pertama dari Sungai Buloh ke Semantan adalah melibatkan 11 buah stesen. Selepas pelancaran Fasa Keseluruhan MRT SBK dari Sungai Buloh Ke Kajang yang melibatkan penambahan 31 stesen, purata bilangan penumpang harian yang direkodkan antara bulan Julai dan Disember 2017 adalah seramai 115,000 orang sehari. Sukacita dimaklumkan bahawa, purata bilangan penumpang laluan MRT SBK bagi di antara bulan Januari dan September 2018 telah meningkat kepada 157,000 orang sehari iaitu peningkatan sebanyak 37% berbanding pencapaian pada 2017 (Julai-Disember 2017). Pertambahan bilangan penumpang ini menggambarkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan dan kecekapan perkhidmatan rel bandar yang semakin meningkat.
3. Selaras dengan matlamat kerajaan untuk menjadikan pengangkutan awam sebagai mod pengangkutan utama pilihan rakyat, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk meningkatkan lagi bilangan penumpang MRT antaranya sistem tiket bersepadu di antara perkhidmatan rel. Pengguna hanya perlu mengakses ke satu perkhidmatan rel seperti MRT dan boleh bertukar dengan perkhidmatan rel yang lain dengan menggunakan tiket yang sama. Selain itu, perkhidmatan sokongan batuan awal dan akhir (first and last mile) melalui bas pengantara juga disediakan bagi memudahkan akses penumpang ke stesen MRT yang berhampiran dengan kawasan kediaman dan komersil masing-masing. Kekerapan operasi perjalanan MRT juga telah ditetapkan pada

NO. SOALAN: 07

setiap 4 minit pada waktu puncak pagi dan petang berbanding antara 7 dan 15 minit pada waktu bukan puncak.

4. Selain itu juga, dalam tempoh terdekat Kerajaan akan melaksanakan program pas 30-hari tanpa had bernilai RM100 untuk penggunaan perkhidmatan bas dan rel berintegrasi tanpa had bagi perkhidmatan kendalian Rapid Rail dan Rapid Bus Sdn. Bhd. merangkumi LRT, MRT, Monorel Kuala Lumpur, dan perkhidmatan bas berbayar RapidKL di Lembah Klang. Dengan adanya bantuan yang disediakan oleh Kerajaan ini, pengguna mampu menggunakan pengangkutan awam pada kadar yang berpatutan.
5. Sehubungan itu, melalui perlaksanaan inisiatif-inisiatif ini, adalah dijangka mampu menarik minat lebih ramai beralih menggunakan pengangkutan awam termasuk perkhidmatan MRT dan seterusnya dapat meningkatkan perkongsian mod pengangkutan awam pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.